



Ruj. Kami : ANM.TAW.800-7(48)
Tarikh : 19 Mac 2021

**KETUA JABATAN,
PTJ DI BAWAH SELIAAN JANM CAW. TAWAU**

Tuan/Puan,

**PENYEDIAAN PENYATA PENYESUAIAN BAKI ASET ALIH SECARA SUKUAN
TAHUN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat JANM.BPOPA.600-1/4/1 (19) bertarikh 16 Mac 2021 – Penyediaan Penyata Penyesuaian Baki Aset Alih Secara Sukuan Tahun dan surat JANM.TWU.800-7(40) bertarikh 17 November 2020 Penyediaan Penyesuaian Baki Aset Alih Di Peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) Bagi PTJ Di Bawah Seliaan JANM Caw. Tawau adalah berkaitan.

2. Untuk makluman Tuan/Puan, adalah menjadi matlamat pihak kami memberikan pemakluman secara berterusan untuk membantu PTJ dalam menjayakan pelaksanaan perakaunan aset dan inventori kerajaan persekutuan agar selaras dengan polisi dan peraturan.

3. Pihak kami ingin menarik perhatian Tuan/Puan berkenaan penyediaan Penyata Penyesuaian Baki Aset Alih Secara Sukuan Tahun dalam memastikan aset alih diperakaunkan dalam iGFMAS dengan tepat.

i) Penyediaan Penyesuaian Baki Aset Alih

- a) Pusat Tanggungjawab (PTJ Dipertanggung) hendaklah mengisi Template Penyesuaian Baki Aset Alih berpandukan Panduan Penyesuaian Baki Aset Alih di SPPA dan iGFMAS Versi 2 – Muat Turun Laporan Aset iGFMAS dan SPPA ,dan
- b) Menyedia dan mengemukakan Penyata Penyesuaian Baki Aset Alih (2 salinan) mengikut jadual secara sukuan tahun seperti di **Lampiran 1** ke pejabat ini.

Ruj. Kami : ANM.TAW.800-7(48)
Tarikh : 19 Mac 2021

4. Kerjasama dan perhatian Tuan/Puan amat dihargai. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh menghubungi Unit Perakaunan Aset (UPA) di talian 089-775620.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(NIZAM BIN LIMUN C.A.(M), ACMA, CGMA)

Pengarah Cawangan

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Cawangan Tawau

s.k. Fail

LAMPIRAN 1

**JADUAL AKTIVITI PENYERAHAN PENYATA PENYESUAIAN BAKI ASET ALIH
SECARA SUKUAN BAGI TAHUN 2021**

Sukuan	Baki Aset Alih Pada	Tempoh Penghantaran Penyesuaian Baki Aset Alih oleh PTJ
Satu (1)	31 Mac 2021	01.04.2021 sehingga 16.04.2021
Dua (2)	30 Jun 2021	01.07.2021 sehingga 11.07.2021
Tiga (3)	30 September 2021	01.10.2021 sehingga 10.10.2021
Empat (4)	31 Disember 2021	01.01.2022 sehingga 10.01.2022